

PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL DAN KESEJAHTERAAN PENGGUNAAN MENURUT ISLAM

Anita Ismailⁱ, Farah Laili Muda @ Ismailⁱⁱ & Sakinah Ahmadⁱⁱⁱ

ⁱ (Penulis Koresponden). Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia. anitaismail@usim.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia. farahlaili@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia. skahmad@usim.edu.my

Abstrak

Media sosial adalah satu medium yang baik untuk bersosial sekali gus mengeratkan lagi hubungan sesama manusia, akan tetapi ianya perlu digunakan dan diuruskan dengan bijaksana. Kecuaian dan kelekaan terhadap medium ini sedikit sebanyak memberikan impak negatif terhadap kehidupan manusia itu sendiri. Islam juga dapat mengelakkan masyarakat daripada terus menerus menyebarkan unsur negatif yang boleh membawa kepada keruntuhan akhlak dan akidah seseorang individu yang terdedah dengan masalah yang disebar di media sosial sekarang ini. Oleh itu sebagai manusia yang mempunyai pegangan agama yang baik serta berakhlak mulia, gunakanlah nikmat dan anugerah tuhan ini sebaiknya kerana bagi setiap ciptaan tuhan itu mempunyai hikmah dan kebaikan yang sempurna. Walaubagaimanapun, dalam kesibukan mengakses media sosial, pengguna hendaklah sedar dan patuh etika demi kelestarian penggunaan media sosial. Kerajaan juga telah memainkan peranan dengan menggubal undang-undang bagi membatasi dan mengawal penggunaan media sosial dalam dunia tanpa sempadan.

Kata kunci: *Media sosial, Islam, impak, etika, kelestarian*

PENDAHULUAN

Dalam meniti arus kemodenan ini, penggunaan media sosial adalah dominan dalam kalangan masyarakat di seluruh pelosok dunia. Media sosial didefinisikan sebagai sebuah aplikasi yang berasaskan internet. Hal ini demikian kerana, media sosial merupakan satu platform secara dalam talian yang membolehkan pengguna berkongsi, menyertai, dan mencipta isi melalui rangkaian sosial, wiki blog, dan dunia virtual. Media sosial dilihat semakin menular dalam perkembangannya yang membolehkan pengguna mengakses aplikasi atau web dan juga berinteraksi dengan sahabat untuk berkongsi dan bertukar maklumat menerusi media sosial (Kaplan, Haenlein, 2010). Instagram, Facebook, Twitter dan seumpamanya adalah antara platform yang popular dalam kalangan pengguna di Malaysia. Oleh itu, media sosial memainkan peranan dan tanggungjawab serta amanah yang sangat besar dalam menyebarkan maklumat yang tepat, benar, dan berfaedah kepada masyarakat di sekeliling. Pada era pasca moden ini, semua aktiviti harian manusia bermula daripada

bangun pagi hingga sebelum tidur pada malam hari dilengkapi dengan penggunaan teknologi dan gajet yang terhasil daripada pembangunan teknologi. Internet merupakan salah satu daripada keperluan harian dalam kehidupan setiap individu (Fauzi, 2017). Pentingnya internet kepada manusia kerana dengannya seseorang mampu mengakses segala maklumat melalui hujung jari dan tanpa sempadan. Media sosial ini digunakan oleh semua golongan masyarakat khususnya generasi muda zaman sekarang. Golongan remaja khususnya melihat media sosial sebagai satu trend terkini untuk mengisi aktiviti pada waktu lapang di samping bersosial di alam maya.

Tambahan pula, maklumat yang disebarikan melalui media sosial hendaklah mengambil kira kepentingan tanggungjawab untuk mendidik dan membawa masyarakat ke arah kebaikan dan menjauhi kemungkaran (Jasmi, Kamarul Azmi, 2002, 2015, 2016, 2018, 2020; Samed et al., 2019). Media sosial memainkan peranan yang penting terutama dalam proses komunikasi Islam sebagai medium menyampaikan idea, mesej, dan maklumat. Ghazali (2007) menyatakan bahawa media dan komunikasi saling berkait antara satu sama lain dalam menyampaikan sesuatu gambaran maklumat. Namun, ia mengalami transformasi dan pertambahan peranan sebagai sumber hiburan selain menyampaikan maklumat.

Media sosial merupakan suatu teknologi yang sangat membantu memudahkan kerja umat Islam terutamanya pada zaman moden ini. Pemikiran umat Islam sepatutnya lebih bijak untuk menyebarkan Islam melalui media sosial ini agar tidak tersalah dalam membuat pilihan yang terbaik. Islam dan sosial tidak sepatutnya dipisahkan kerana umat Islam sepatutnya tidak menjadi sekular, iaitu memisahkan dunia dan agama (Nordin, Mohammad & Mohamad, 2019). Malah, umat Islam sepatutnya menjadi yang paling hadapan mengetahui kemajuan dunia agar tidak ketinggalan terbelakang. Hal ini demikian kerana, semua maklumat dan berita terkini boleh didapati melalui teknologi media sosial. Sehubungan dengan itu, umat Islam mengetahui bahawa perkembangan teknologi yang kuat ini dapat membantu menyebarkan ilmu Islam dengan lebih luas lagi dan umat Islam perlu bergerak lebih pantas seiring dengan teknologi. Maka, setiap individu itu perlu sentiasa sedar dan tidak leka dengan arus pemodenan ini agar mereka tergolong dalam kalangan orang yang bermanfaat terhadap orang lain.

Teknologi alaf baru ini membawa cabaran besar terhadap pegangan dan nilai murni dalam beragama serta akhlak dan pengaruh yang merubah daya pemikiran serta gaya hidup masyarakat. Ia mampu menjejaskan dan mengubah pegangan tauhid, syariah, dan akhlak sehingga kurangnya nilai keinsanan dalam setiap individu. Justeru, Islam mengambil beberapa langkah antaranya mengamalkan panduan daripada al-Quran dan Hadis, berdampingan bersama ulama' bagi tujuan mengawal dan mendidik jiwa agar pengaruh buruk media sosial tidak menjadi semakin berleluasa dan menyebabkan keruntuhan jati diri sebagai seorang Muslim

yang sejati (Giulianotti & Robertson, 2004; Khanday, 2014; Nawi et al., 2012; Ayub, Rozali & Marni, 2019). Pengguna bertanggungjawab untuk memelihara dan mengekalkan penggunaan media sosial daripada perkara negatif. Oleh itu, kelestarian penggunaan media sosial adalah amat penting bagi memastikan pengguna dan generasi muda terutamanya mendapat manfaat daripadanya (Johari et. al, 2019). Penggunaan media sosial mempunyai banyak kebaikannya tidak kurang pula keburukannya. Sebagai umat Islam, kita wajib menjauhi perkara yang dikeji oleh Allah SWT ketika menggunakan media sosial.

PERANAN MEDIA SOSIAL

Media sosial mempunyai sifat yang lebih interaktif apabila dibandingkan dengan bentuk media tradisional seperti radio dan televisyen. Melalui media sosial, kita dapat secara langsung berinteraksi dengan orang lain (Leonard, 2016). Media sosial merupakan saluran komunikasi digital yang mana para pengguna boleh berkongsi maklumat, berinteraksi dengan segera, berkomunikasi dengan dua hala dan penghantaran mesej yang cepat ke beberapa orang dalam masa yang sama. Media sosial menjadi platform masa kini yang disenangi oleh semua penggunanya (Hudson et al. 2015).

Berikut merupakan fungsi-fungsi media sosial menurut Ziani (2015) dan Rahim & Hanafi (2018) iaitu sebagai berikut:

1. Media sosial digunakan sebagai alat untuk membantu: seperti komunikasi dengan orang ramai, rakan, mahupun membantu dalam berkomunikasi dengan ahli-ahli dalam kumpulan.
2. Media sosial digunakan sebagai medium untuk pemindahan maklumat: Ini bermakna pengambilan media sosial sebagai satu usaha untuk menyambung idea-idea.
3. Media sosial digunakan untuk mendapatkan matlamat: Ini bermakna untuk memperoleh apa yang di inginkan.

Kewujudan teknologi di hujung jari ini sedikit sebanyak telah membantu dalam kehidupan terutamanya dalam penyebaran maklumat kepada masyarakat. Namun, penggunaan teknologi ini mempunyai kebaikan dan keburukan (Hussin, Hani, Rahman, Yusoff, Sabran, & Hassan, 2019). Internet merupakan satu revolusi besar di dalam komunikasi semenjak terciptanya mesin cetak. Internet juga telah memberi kemudahan untuk memperoleh maklumat dengan segera dengan cara sesiapa sahaja boleh menerima dan menghantar maklumat tanpa perlu adanya wartawan ataupun editor sebagai orang tengah untuk memproses maklumat tersebut.

Era media sosial memberi peluang kepada para pengamal perhubungan awam profesional untuk turut serta memperoleh maklum balas dan membina hubungan di laman sosial media. Para pengamal perhubungan awam mestilah mengambil peluang dengan mengintegrasikan media tradisional dan media baharu (media sosial) dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pegawai perhubungan awam profesional yang bijak menyesuaikan diri dalam semua keadaan termasuk menggunakan teknologi terkini (Fadzli, Marhana & Ab. Hamid, 2014; Halim, Zakirah, Azmi, & Marni; 2019). Hal ini menunjukkan bahawa media sosial sebagai medium untuk berdakwah memainkan peranan yang penting dalam pembentukan peribadi sosial.

Media Sosial Sebagai Platform Merapatkan Silaturrahim antara Rakyat dan Rakyat dengan Kerajaan

Media sosial, bagi pihak kerajaan dapat digunakan untuk merapatkan hubungan antara kerajaan dengan rakyat (Jasmi, Kamarul Azmi, 2018). Media sosial dapat digunakan sebagai medium untuk berinteraksi antara kedua belah pihak dalam sebarang penyebaran dan penerimaan maklumat atau maklumbalas secara telus. Hal ini boleh merapatkan lagi jurang antara kerajaan dengan rakyat malah dapat juga merapatkan silaturrahim antara rakyat dengan rakyat. Hal ini selari dengan petikan hadis yang menyatakan (Al-Bukhari, 2001: 1436):

Maksud: Hakim bin Hizam RA bertanya, "Ya Rasulullah! Bagaimana menurut engkau tentang beberapa hal yang pernah aku lakukan pada masa jahiliyah; seperti: silaturrahim, memerdekakan budak, dan bersedekah, apakah aku mendapatkan pahalanya? Hakim berkata: Rasulullah saw bersabda: Kamu masuk Islam atas berkat kebaikan yang dahulu kamu kerjakan.

(Al-Bukhari)

Media Sosial Sebagai Alat untuk Menyampaikan Ilmu dan Ideologi

Pelbagai fungsi ditawarkan oleh internet kepada pengguna di seluruh dunia. Kajian Umar dan Samsudin (2010) mendapati internet digunakan oleh masyarakat Islam untuk mencari maklumat berkaitan isu agama Islam seperti urusan menunaikan haji dan umrah, hukum-hakam, isu-isu semasa dalam Islam dan dunia, mendapatkan nasihat mengenai jodoh, sirah dan tamadun Islam dan sebagainya. Selain itu, umat Islam juga menjadikan internet sebagai sumber untuk mempelajari lebih banyak ilmu tentang Islam seperti mencari maklumat tentang agama, kepercayaan, amalan serta perayaan (Lovheim 2008; Haslin & Hamdzun 2013; Kosheleva 2013) Pelbagai maklumat dan ilmu dapat disebarkan kepada masyarakat sekeliling sama ada dalam atau dalam luar negara. Hal ini bertepatan dengan petikan al-Quran kelebihan orang yang berilmu dan menyebarkan ilmu dalam firman Allah SWT:

Maksud: *Wahai orang yang beriman! Apabila diminta kepada kamu memberi lapang daripada tempat duduk kamu (untuk orang lain) maka lapangkanlah seboleh-bolehnya supaya Allah melapangkan (segala halnya) untuk kamu. Dan apabila kamu diminta bangun maka bangunlah, supaya Allah meninggikan darjat orang yang beriman antara kamu, dan orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (daripada kalangan kamu) - beberapa darjat. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam Pengetahuannya tentang apa yang kamu lakukan.*

(Surah al-Mujadilah, 58: 11)

Media Sosial Sebagai Platform Perniagaan

Globalisasi dilihat sebagai satu proses pertambahan jaringan dan kebergantungan antara satu masyarakat dengan masyarakat yang lain. Dengan wujudnya globalisasi, negara tidak lagi dilihat berpecah kerana wujudnya hubungan antara mereka melalui laman sosial. Aktiviti seperti kegiatan ekonomi antara negara dapat dilakukan dengan mudah hanya dengan satu transaksi yang lama-kelamaan mewujudkan saling kebergantungan antara negara tersebut (Anderson & Taylor, 2013). Penerimaan agama terhadap perniagaan dijelaskan menerusi galakan Islam kepada umatnya mencari kesenangan hidup (Hamzah & Jasmi, 2020; Jasmi, Kamarul Azmi, 2008; Jasmi, Kamarul Azmi & Md Saleh @ Masrom, 2005; Muhammad & Jasmi, 2004, 2009; Mustaffa & Ahmad, 2002) dengan cara berniaga termasuk menggunakan menggunakan media sosial sebagai platform perniagaan. Dalilnya, ayat al-Quran berikut:

Maksud: *Kemudian setelah selesai solat, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati daripada limpahan kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan akhirat).*

(Surah al-Jumu'ah, 62: 10)

Media Sosial Sebagai Alat Dakwah dan Penyebaran Maklumat

Penggunaan media sosial bagi menyampaikan mesej agama digunakan sejak zaman Rasulullah SAW. Komunikasi dalam Islam adalah berasaskan dakwah, iaitu mengajak manusia kepada kebaikan mengikut syariat Islam. Setiap mesej dakwah yang disampaikan perlulah berlandaskan syarak yang mana hubungan antara komunikasi dan dakwah ini memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat (Ghazali, 2007). Menurut Zulkiple (2001), penggunaan media sosial seperti Facebook dan Twitter dapat memberi keupayaan yang menyeluruh dalam penyebaran mesej dakwah disebabkan kepantasannya dan bersifat global. Ramai pendakwah yang terkenal menggunakan media sosial sebagai platform bagi meluaskan mesej dakwah mereka. Antara pendakwah tempatan terkenal yang

menggunakan media sosial seperti Facebook dan Youtube untuk berinteraksi dan berkongsi ilmu ialah Ustaz Don Daniyal dan Ustaz Azhar Idrus. Hal ini demikian menunjukkan bahawa di samping program TV atau mana-mana jenis media yang lain mereka masih menggunakan media sosial sebagai medium tambahan untuk misi dakwah. Umat Islam juga diberi tuntutan dan tanggungjawab untuk menitikberatkan konsep amar makruf dan nahi mungkar. Dalam hal ini, Allah SWT berfirman,

Maksud: Dan hendaklah ada antara kamu segolongan umat yang menyeru kepada kebajikan, menyuruh kepada yang ma'ruf dan mencegah daripada yang mungkar; merekalah orang yang beruntung.

(Surah Ali 'Imran, 3: 104)

Media Sosial Sebagai Platform Memupuk Persahabatan

Platform sosial ini seakan menjadi satu kemestian bagi pengguna untuk melayari bagi tujuan berkomunikasi, bertukar-tukar pandangan, berkongsi pendapat dan minat, memuat naik dan memuat turun video atau gambar di samping membincangkan isu semasa secara santai dan terbuka. Hal ini sekaligus memupuk talian persahabatan dan merapatkan silaturrahim dengan keluarga dan rakan. Penggunaan media sosial ini juga menyumbang kepada pembangunan komunikasi yang kukuh antara pengguna, rakan sekerja, dan syarikat. Agama Islam sangat menjaga kepentingan menjaga silaturrahim bukan sahaja sesama ahli keluarga malah sesama manusia. Dalilnya, petikan daripada hadis berikut yang menerangkan betapa pentingnya menjaga silaturrahim (Al-Bukhari, 2001: 5984; Muslim, t.th.: 2556):

Maksud: Jubair bin Muthim RA daripada bapanya bahawa Rasulullah SAW bersabda, "Tidak masuk syurga orang yang memutuskan silaturrahim (hubungan kekeluargaan)".

(Al-Bukhari dan Muslim)

Media Sosial Sebagai Platform Pendidikan

Pendidikan boleh ditafsirkan sebagai proses memperoleh ilmu pengetahuan bagi membantu manusia untuk berfikir secara rasional dan menambahbaik sesuatu benda bagi kemudahan manusia sejagat. Setiap manusia pasti akan memperoleh pendidikan yang membolehkan mereka memperoleh ijazah dan sijil untuk bekerja selepas tamat pengajian. Jika dilihat dari perspektif yang lain, pendidikan boleh dibahagikan kepada dua, iaitu pendidikan jarak dekat dan pendidikan jarak jauh. Pendidikan jarak jauh ialah teknik pembelajaran yang verbal di mana tenaga pengajar (cikgu atau pensyarah) tidak berhadapan dengan pelajar. Sistem ini menggunakan media sosial sebagai platform bagi mengaplikasikan sistem ini. Dalam konteks ini, jaringan sosial

misalnya internet memainkan peranan yang dominan dalam menjayakan sistem ini yang mana ia membolehkan pelajar berdikari dan tidak hanya bergantung kepada tenaga pengajar untuk memperoleh sesuatu ilmu. Selain itu, kemudahan komunikasi antara pelajar dan tenaga pengajar juga mudah bagi berkongsi ilmu dan pendapat. Contohnya, Whatsapp, Telegram, emel dan platform pengajaran pembelajaran seperti Microsoft Team, Zoom, Google Meet dan lain-lain. Hal ini dapat memupuk interaksi pembelajaran antara pelajar dan tenaga pengajar walau di mana sahaja mereka berada. Sehubungan dengan itu, sistem *e-learning* yang diperkenalkan oleh beberapa universiti di Malaysia memainkan peranan yang vital dalam kalangan pelajar untuk mengakses nota dan tips yang dimuatnaik oleh pensyarah. Pengguna terutamanya golongan remaja yang masih bersekolah atau masih belajar di universiti dapat mengakses informasi dengan hanya satu klik sahaja selari dengan tema segala maklumat berada di hujung jari.

ETIKA PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL BERLANDASKAN NAS

Penggunaan media sosial juga memerlukan satu garis panduan atau standad etika yang bertauliah atau dalam erti kata lain syumul di mana ia bersifat menyeluruh dari semua aspek bagi mengawal tatatertib dan tingkah laku masyarakat dalam penggunaan media sosial tersebut terutamanya umat Islam. Hal ini dapat melahirkan masyarakat yang dicontohi dengan keluhuran budi dan akal yang suci lagi murni umumnya bagi umat Islam. Terdapat beberapa etika yang berlandaskan nas supaya dapat dirujuk oleh umat Islam dalam penggunaan media sosial atau bertujuan untuk menyampaikan sebarang maklumat kepada masyarakat (Johari, Baharuddin & Ihwani, 2019).

Nilai Murni

Nilai murni merupakan satu nilai yang baik di mana dapat mewujudkan keharmonian, kekuatan, dan pembangunan individu, masyarakat, agama dan negara. Nilai murni ini mestilah dititikberatkan dalam kehidupan masyarakat sekeliling agar dapat mengurangkan krisis dalam kehidupan seharian. Dalam konteks media sosial pula, para pengguna media sosial hendaklah mengamalkan nilai baik ini agar tidak terpesong daripada objektif sebenar media sosial itu diwujudkan. Hal ini kerana, dengan mengamalkan nilai murni ini dapat membimbing masyarakat dalam menggunakan media sosial ini dengan betul tanpa melanggar undang-undang yang ditetapkan. Firman Allah SWT:

Maksud: Wahai orang yang beriman! Janganlah kamu haramkan benda-benda yang baik- baik yang dihalalkan oleh Allah bagi kamu, dan janganlah kamu melampaui batas (pada apa yang ditetapkan halalhnya itu); kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang melampaui batas.

(Surah al-Maaida, 5: 87)

Nilai Moral

Nilai moral adalah nilai asas dalam pembinaan individu dan masyarakat (Ismail, A. M. & Jasmi, 2016; Jasmi, Kamarul Azmi, 2016; Jasmi, Kamarul Azmi et al., 2004). Hal ini dapat membendung keburukan dan meningkatkan kebaikan dalam kehidupan masyarakat untuk bersosial sekali gus dapat menegakkan kebenaran atas sesuatu kesalahan yang dilakukan. Masyarakat haruslah menyedari bahawa moral setiap individu yang baik akan melahirkan masyarakat yang cemerlang dan berdaya saing. Firman Allah SWT:

Maksud: Dan hendaklah ada antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang yang berjaya.

(Surah al-Imran, 3: 104)

Nilai Etika

Masyarakat yang menyemai nilai etika dalam diri merupakan masyarakat yang mempunyai tanggungjawab moral dan sosial. Hal ini dapat melahirkan individu dalam kalangan masyarakat yang mematuhi segala peraturan yang ditetapkan. Islam sebagai contoh menyediakan asas etika dan akhlak yang baik untuk diamalkan oleh semua peringkat manusia di zaman moden ini. Nilai asas etika yang berlandaskan Islam adalah seperti Siddiq, Amanah, Tabligh dan Fatonah. Rasulullah merupakan contoh tauladan terbaik yang boleh diikuti oleh semua masyarakat sekarang dalam setiap perkara bermula dari sekecil-kecil perkara sehinggalah sebesar-besarnya. Firman Allah SWT menyatakan bahawa:

Maksud: Dan bahawa sesungguhnya engkau mempunyai akhlak yang amat mulia.

(Surah al-Qalam, 68: 4)

Nilai Kerohanian

Nilai kerohanian merupakan sifat atau nilai untuk meningkatkan daya ketahanan, kekuatan dan peribadi seseorang individu (Hashim & Abdul Rahman, 2014; Jasmi, Kamarul Azmi et al., 2017). Jiwa yang kental dan kuat akan mewujudkan masyarakat yang cemerlang dan unggul dengan nilai kerohanian yang mulia. Nilai kerohanian amatlah penting dalam kehidupan seseorang kerana sifat ini dapat membantu seseorang individu itu untuk meningkatkan sifat berdaya saing berjiwa kental dalam

menghadapi pelbagai cabaran hidup. Satu hadis ada menjelaskan daripada riwayat Sayyidina Nu 'man bin Bashir bahawa Rasulullah SAW bersabda (Al-Bukhari, 2001: 52; Muslim, t.th.: 1599):

Maksud: Ingatlah dan bahawasanya dalam jasad manusia itu ada seketul daging yang apabila baik daging itu, maka baiklah jasad keseluruhannya, dan jika rosak daging itu akan rosaklah jasad keseluruhannya, ingatlah, itulah dia hati.

(Al-Bukhari dan Muslim)

Nilai Jujur

Nilai kejujuran ialah perkara asas yang perlu dilihat oleh masyarakat kerana sifat ini merupakan sifat penting untuk menentukan perlakuan seseorang individu. Perkara yang boleh dipraktikkan bagi menghindari diri daripada melakukan sesuatu yang salah di sisi undang-undang dan syara' adalah dengan memaparkan isi maklumat tersebut kepada umum selagi maklumat tersebut bersifat sahih untuk ditunjukkan dan disampaikan di media sosial. Nilai kejujuran adalah sifat yang patut ada dalam diri seseorang Muslim kerana hal ini dapat mencegah diri seseorang itu untuk menyebarkan fitnah dan tidak melakukan sesuatu perkara yang menyalahi undang-undang. Hal ini kerana dapat membantu dalam mendidik seseorang Muslim daripada melakukan sesuatu kesalahan dan membina kejujuran diri. Firman Allah SWT:

Maksud: Allah berfirman: "Inilah hari (kiamat) yang (padanya) orang yang benar (pada tutur kata dan amal perbuatan) mendapat manfaat dari kebenaran mereka; mereka beroleh Syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Allah reda akan mereka dan mereka pula reda akan Dia. Itulah kejayaan yang amat besar".

(Surah al-Maaida, 5: 119)

USAHA MELESTARIKAN PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL

Kelestarian penggunaan media sosial adalah amat penting bagi menjamin kelangsungan sesebuah masyarakat. Oleh itu, pelbagai pihak perlu mengambil bahagian dalam melestarikan penggunaan media sosial agar memberi kebaikan bersama. Kelestarian membawa maksud kepada sifat untuk mengimbangkan dan bersifat produktif ketika penggunaan media sosial. Kelestarian penggunaan media sosial akan menjadi senang jika cara untuk menggunakan konsep asas blok-blok fungsi difahami dengan mendalam dan betul. Blok fungsi yang pertama ialah paparan identiti. Pengguna media sosial perlu menggunakan satu nama khas untuk sebuah

organisasi atau nama persendirian yang senang diingat bagi pengguna media sosial yang lain. Seterusnya, blok fungsi yang kedua ialah cara melakukan perbincangan. Penyediaan fungsi media sosial kepada para pengguna membolehkan sesebuah organisasi di media sosial melakukan perbincangan secara terbuka atau tertutup. Selain itu, blok fungsi ketiga adalah cara perkongsian maklumat. Penyebaran maklumat tersebut hendaklah disebarikan tepat pada waktunya. Perkongsian maklumat ini juga perlu diambil kira akan tentang kesannya terhadap orang lain kerana takut akan terjadinya salah faham dan persepsi negatif. Di samping itu, blok fungsi yang keempat ialah tahap kebolehlihatan. Hal ini dapat membuat diri mereka lebih dikenali oleh para pengguna media sosial yang lain. Isu keselamatan haruslah tetap diutamakan sekalipun kita menonjolkan diri di media sosial. Akhir sekali, blok fungsi yang terakhir ialah pembentukan perhubungan. Perkara ini akan mewujudkan kepelbagaian terhadap semua pengguna sama ada hubungan secara formal atau tidak formal. Kelestarian fungsi media sosial ini amatlah penting bagi mewujudkan keharmonian dan kesejahteraan para pengguna media sosial supaya tidak berlakunya isu negatif seperti fitnah sesama masyarakat, wujudnya 'racism' dan sebagainya sekali gus memudahkan orang ramai untuk menyampaikan maklumat serta melakukan perbincangan tentang sesuatu hal (Johari, Baharuddin & Ihwani, 2019).

Pemantauan Penggunaan Media Sosial Terhadap Anak-Anak

Peranan ibu bapa dalam memantau anak-anak mereka dalam menggunakan media sosial amatlah penting terutamanya bagi membentuk sahsiah diri anak-anak ke arah yang lebih baik. Hal ini kerana ibu bapa yang akan membentuk keperibadian anak mereka. Anak-anak dilahirkan ke dunia ini dalam keadaan naif. Mereka tidak tahu membezakan mana yang baik dan mana yang buruk. Oleh sebab itu, ibu bapa perlu belajar dan memahirkan diri dengan penggunaan teknologi maklumat. Perkara itu bukanlah sukar kerana semua maklumat boleh diperolehi di hujung jari saja dengan kemudahan teknologi Internet. Antara salah satu langkah yang boleh diambil untuk memantau boleh dilakukan menggunakan perisian dan aplikasi yang disediakan khas kepada ibu bapa untuk mengawal penggunaan gajet dan telefon pintar anak mereka seperti "Parental Control", "Kid Mode" dan "Kid YouTube". Beberapa syarikat telekomunikasi turut menyediakan tapisan untuk ibu bapa menyaring penggunaan Internet sekiranya tidak mahu anak mereka mengakses kepada laman pornografi dan keganasan. Selain itu, ibu bapa perlu mengetahui kata laluan gajet dan telefon pintar anak bagi membolehkan mereka melakukan pemeriksaan terhadap kandungan yang disimpan dalam alat peranti itu untuk mengetahui kegiatan dilakukan mereka terutama dalam menggunakan media sosial dan aplikasi sembang.

Penguatkuasaan Undang-Undang Berkaitan Media Sosial

Undang-undang merupakan satu sistem peraturan atau norma yang cuba diikuti oleh ahli-ahli masyarakat. Peraturan ini biasanya dibuat oleh pemerintah negara tersebut supaya rakyatnya boleh hidup, bekerja dan bersosial antara satu sama lain. Dengan adanya undang-undang, masyarakat akan lebih berhati-hati dalam menggunakan media sosial. Langkah pengemaskinian dan penambahbaikan undang-undang berkaitan penyalahgunaan media sosial akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan peruntukan undang-undang terbabit terus kekal relevan dan selaras peredaran semasa. Kerajaan tidak sesekali berkompromi dengan mana-mana pengguna media sosial yang menggugat keselamatan, kestabilan dan keharmonian negara khususnya mereka yang menghina institusi diraja, perkauman dan agama. Hak kepada kebebasan bersuara tidak bersifat mutlak dan tertakluk kepada peruntukan undang-undang sedia ada. Perlakuan seperti fitnah dan cacian di media sosial juga perlu ditetapkan undang-undang mengenainya kerana ianya merupakan kesalahan yang besar bagu umat Islam yang melakukannya. Berdasarkan dalil Al-Quran di bawah menunjukkan bahawa perbuatan ini amat dikeji oleh Allah SWT

Maksud: Dan janganlah engkau (berkisar dari pendirianmu yang benar, dan jangan) menurut kemahuan orang yang selalu bersumpah, lagi yang hina (pendapatnya dan amalannya), (10) Yang suka mencaci, lagi yang suka menyebarkan fitnah hasutan (untuk memecah belahkan orang ramai).

(Surah al-Qalam, 68: 10-11)

Ilmu Pengetahuan yang Tinggi Dalam Bidang *Information Technology* (IT)

Kesedaran untuk menguasai ilmu dalam bidang IT perlulah ditanam dalam masyarakat kerana ia mempunyai banyak kelebihannya. Sebagai seorang Muslim, mencari ilmu berkaitan teknologi ini merupakan fardu kifayah dan berdosa jika umat Islam mengabaikannya. Pengguna media sosial perlu memiliki ilmu supaya penggunaannya membawa kepada kebaikan dan memberi faedah kerana penggunaan media sosial adalah terbuka dan memberi kebebasan kepada penggunaannya untuk memilih sama ada untuk tujuan baik atau buruk. Ilmu itu ialah untuk memastikan media sosial tidak menguasai kehidupan seseorang. Penggunaan media sosial untuk tujuan kebaikan akan memberi manfaat kepada penggunanya, namun mendatangkan mudarat sekiranya digunakan bagi tujuan keburukan dan kejahatan. Dalam kita berinteraksi dengan media sosial, banyak ruang keburukan namun pada masa yang sama ruang kebaikan juga banyak. Namun, sekiranya tersilap pilih jalan ia boleh membawa kepada keburukan. Justeru, penting untuk kita menanganinya supaya penggunaan media sosial tidak membawa kepada kemudharatan.

KESIMPULAN

Media sosial merupakan platform untuk berkomunikasi, menyebarkan maklumat dan idea, mengekalkan dan memperkukuh jaringan sosial dengan orang ramai. Terdapat pelbagai jenis media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, Tik Tok dan sebagainya yang mempunyai fungsi tersendiri. Wujudnya media sosial juga memudahkan kita untuk mendapatkan maklumat terkini dan mendalami ilmu pengetahuan. Pelbagai maklumat diperoleh hanya dengan satu klik. Perkembangan teknologi juga salah satu anugerah Tuhan yang dihadiahkan kepada manusia sebagai makhluk yang mempunyai akal fikiran yang baik yang berkembang seiring dengan perkembangan ilmu pengetahuan (Jasmi, A. K., 2016; Jasmi, Kamarul Azmi, 2017).

Agama Islam adalah sebuah agama yang harus dijadikan kayu pengukur atau garis panduan bagi menggubal segala standard etika penggunaan internet pada zaman kini. Hal ini juga sekali gus dapat meningkatkan daya pemikiran seseorang individu itu untuk memperkasakan penggunaan media sosial secara kolektif sekiranya agama Islam itu dijadikan sebagai garis panduan ketika masyarakat menggunakan media sosial dalam kehidupan seharian. Oleh itu, pelbagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab dalam membendung masalah ini hendaklah bekerjasama untuk mengelakkan masalah ini daripada berleluasa terutama sekali terhadap generasi muda di mana mereka mudah terpengaruh akan perubahan gaya hidup zaman sekarang. Tidak lepas juga, individu itu sendiri pun hendaklah memainkan peranan penting bagi meningkatkan kesedaran diri supaya menjauhkan diri dengan masalah sosial yang makin parah sekarang ini. Dasar-dasar kerajaan yang berhubung kait akan pendidikan dan budaya hendaklah meletakkan isu penyalahgunaan dan kesan negatif media sosial ini sebagai satu perkara yang patut dititikberatkan agar dapat meningkatkan pemodenan dan pembangunan negara bangsa Malaysia. Media sosial merupakan satu medium yang sangat berguna dan boleh memberikan banyak kelebihan kepada pengguna-pengguna media sosial. Walau bagaimanapun, kelebihan tersebut haruslah digunakan secara waras dan berhati-hati. Kematangan berfikir penting bagi setiap individu yang menggunakan media sosial untuk menilai kebaikan dan keburukan setiap aktiviti di alam maya.

RUJUKAN

Al-Quran

- Ayub, M. S., Rozali, A. A., Marni, N., Ayub, M. S., Rozali, A. A., & Marni, N. (2019). Media Sosial dan Kecanduan Penggunaan Menurut Islam. Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.).
- Fazdli Adam, Marhana Anuar, & Ab. Hamid Ali. (2014). The Use Of Blog As A Medium Of Islamic Da'wah In Malaysia. *International Journal Of Sustainable Human Development*, 2(2):74-80.

- Fauzi, N. (2017). Penggunaan media sosial dalam dunia tanpa sempadan: Suatu kebaikan atau keburukan. Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan.
- Ghazali Sulaiman. (2007). Media Komunikasi Islam. S. Salahudin Suyurno, Huzaimah Hj Ismail & Aini Fa- ezah Ramlan (pnyt). Shah Alam: UiTM.
- Giulianotti, R., & Robertson, R. (2004). The globalization of football: a study in the glocalization of the 'serious life'. *The British journal of sociology*, 55(4), 545-568.
- Halim, A., Zakirah, Z., Azmi, D. S., & Marni, N. (2019). Media Sosial dan Trend Penggunaan Menurut Islam. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Sains Teknologi dan Manusia.
- Hamzah, Naemah, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2020. Wanita Bekerjaya Menurut Perspektif Islam. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Hashim, Shahabuddin, & Abdul Rahman, Noor Miza. 2014. Keadah Pengajaran dan Pembelajaran Kerohanian Kanak-Kanak. Batu Caves, Selangor, Malaysia: PTS Media Groups Sdn. Bhd.
- Haslin Hasan & Hamdzun Haron. (2013). Technology and Religion: Information Seeking Behaviour of Online Religious Information Among Malays. *World Applied Sciences Journal* 28 (8): 1082-1088.
- Hudson, S, Huang, L, Roth, M.S & Madden, T.J. (2015). The influence of social media interactions on consumer-brand relationships: A three-country study of brand perceptions and marketing behaviors. *International Journal of Research in Marketing* 14: 1-13.
- Hussin, R., Rahman, S. H. A., Yusoff, S. H., Sabran, R., & Hassan, F. (2019). Barakah Ilmu Melalui Penggunaan Teknologi Komunikasi, Ipad dan Keberkesanannya: Blessing Knowledge by the Usage of Communication Technology, Ipad and Its Effectiveness. *'Abqari Journal*, 20(2), 131-144.
- Ismail, Ahmad Munawar, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2002. Paradigma al-Imam al-Nawawi dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin. (Master), Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2008. Mengasimilasi Budaya Islam dalam Organisasi untuk Mempertingkatkan Modal Insan Para Pekerja. Kertas Kerja dalam The 4th National Human Resource Management Conference 2008. Tiara Beach Resort, Port Dickson.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2015. "Amar Makruf Nahi Mungkar". 1(Johor Darul Takzim: Universiti Teknologi Malaysia), 11-13.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2016. Amar Makruf Nahi Mungkar. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam*. Edisi Pertama ed., hlm. 11-13. Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd Ismail, Bachok, Nurul Atika, & Chik, Nong. (2017). Membina Remaja Cemerlang dengan Kerohanian. In Kamarul Azmi Jasmi

- (Ed.), *Remaja Hebat: Dasar mbaagwiaa Rema- ja Hebat, P.*, ISBN: 978-983-52-1376-2. (Vol. 1, pp. 57-81). Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018. "Karekter 7B Mukmin Cemerlang". *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 4(1), 1-22.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2020. *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Kinan, Norina, Md Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani, et al. 2004, 7- 9 December 2004. *Tahap Amalan Tatacara Kehidupan Beradab Islam di Kalangan Mahasiswa Islam Tahun Empat*, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. *Kertas Kerja dalam International Seminar on Islamic Thoughts*. Bangunan Pentadbiran, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Johari, M. H., Baharuddin, A. S., & Ihwani, S. S. (2019). *Media Sosial dan Kelestarian Penggunaan Menurut Islam*. In *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia* (pp. 61-86).
- Kaplan, Andreas M.; Michael Haenlein (2010) "Users of the world, unite! The challenges and Opportunities of Social Media". *Business Horizons* 53(1): 59–68.
- Khanday, Bilal Ahmad. (2014). *Globalization, Peace and Development in the Twenty first century: Religious as well as the Perspective of Fethullah Gulen*. 2(8).
- Kosheleva, N.V. (2013). *Muslim da'wah and its influence on Islamic Studies of the USA*. *American International Journal of Research in Humanities, Arts and Social Sciences*. 4(1), September-November, 2013, pp. 102-106.
- Lovheim, M. (2008). *Religious Socialization in a Media Age*. *Nordic Journal of Religion and Society*, 25 (2): 151–168.
- Leonard. A.P.S. 2016. *Penggunaan Media Sosial Sebagai Eksistensi Diri (Studi Deskriptif Kualitatif Penggunaan Media Sosial Untuk Eksistensi Diri Pada Mahasiswa Fisip UNS Tahun Ajaran 2015/2016)*. Tesis sarjana Universitas Sebelas Maret. Surakarta.
- Muhammad, Azhar, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2004. *Etika Islam Terhadap Peranan Institusi Keluarga dalam Pendidikan Kerjaya Anak-anak*. *Kertas Kerja dalam Seminar Pembangunan Kerjaya Abad 21*. Main Hall, Faculty of Education, Universiti Malaya.
- Muhammad, Azhar, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2009. *Etika Islam Terhadap Peranan Institusi Keluarga dalam Pendidikan Kerjaya Anak-anak Hala Tuju Pengurusan Sumber Manusia dan Kerjaya*. hlm. 129-140. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mustaffa, Mohamed Sharif, & Ahmad, Roslee. 2002. "Bimbingan Kerjaya Menurut Perspektif Islam". *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*, 8, 63-70.
- Nawi, Mohd Aliff Mohd, Jamsari, Ezad Azraai, Hamzah, Mohd Isa, Sulaiman, Adibah, & Umar, Azizi. (2012). *The impact of globalization on current Islamic education*. *Australian Journal of Basic and Applied Sci- ences*, 6(8), 74-78.

- Nordin, N. H., Mohammad, N. S., & Mohamad, A. M. (2019). Media Sosial dan Instagram Menurut Islam. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Sains Teknologi dan Manusia.
- Rahim, M. H., & Hanafi, K. (2018). Peranan Media Sosial Sebagai Ruang Awam Oleh Pemimpin Pelajar Badan Eksekutif Mahasiswa Universiti Di Pekanbaru, Riau, Indonesia Dalam Membentuk Gerakan Sosial (The role of social media as a public space among university student leaders in Pekanbaru, Riau, Indonesia in initiating forms of social movements). *e-Bangi*, 14(3).
- Samed, Murni Hayati, Salman, Maziah Mohd, & Jasmi, Kamarul Azmi. 2019. Konsep Amar Makruf dan Nahi Mungkar dalam Kerukunan Keluarga. Kertas Kerja dalam Seminar Institusi Islam 2019. 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.
- Umar Halim & Samsudin A. Rahim (2010). Penglibatan digital: Akses dan penggunaan EAgama dalam kalangan generasi muda Muslim. *Jurnal Komunikasi*, 27(2), 121-135.
- Ziani. A.K. (2015). Using Social Media in the Bahraini 2014 Elections "A Study on a Sample of Young People". *Journal New Media and Mass Communication*. 37: 25-37.
- Zulkiple, A. G. (2001). Islam, komunikasi dan teknologi maklumat. Kuala Lumpur: Utusan Publication.